

Oh! Kucingku

» Haiwan peliharaan **comel, jinak, manja** dan memberi **aura**

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@berkarian.com.my

Semuas tahu mengenai kucing, malah ramai antara kita yang menjadikannya sebagai haiwan peliharaan. Karakter dan sifatnya yang penyayang menyebabkan ramai yang menyayangi haiwan ini.

Bermula minggu ini, kolom Meowww diperkenalkan untuk menceritakan perihal kucing, seperti sifat dan jenis kucing, kako yang ada di dunia, tip penjagaan, mengenali penyakit yang sering menjangkiti kucing dan kesesuaian anda membela kucing berpanduan kepada persekitaran.

Bermula keluaran minggu hadapan, kolom kucing ini juga akan bersama dengan personaliti dan pemilik kucing yang mengeksplor kehidupan di sebelah mereka haiwan penyayang ini.

Pengenalan tidak sama bergerang kepada baka kucing itu dan juga jenis kediuman yang turut diaambil kira dan menjadi faktor utama penjagaan kucing.

Rasulullah SAW pernah menekankan di dalam beberapa hadisnya bahawa kucing tidak bernajis. Malah dibolehkan untuk berwiduk menggunakan air bekas minuman kucing.

Persoalannya, bagaimana Rasulullah mengetahui badan kucing tidak mempunyai najis dan mengatakan bahawa kucing

tidak menjadi najis kepada manusia? Jawapannya, kulit kucing mempunyai otot-otot yang berfungsi untuk melawan sel bakteria.

Otot kucing juga dapat menyesuaikan diri dengan sentuhan otot manusia jika dititili pada permukaan lidah kucing pula dilapisi pelbagai benjolan kecil yang runcing, benjolan ini berbentuk bengkok mengucup seperti kikir atau geraji.

Bentuk ini sangat berguna untuk membersihkan kulit. Malah ketika kucing minum, tidak ada setitis pun air yang akan jatuh dari lidahnya.

Lidah kucing


Lidah kucing sendiri adalah alat pembersih yang paling canggih, perniagaan yang kasar bukan membuat bulu mati dan membersihkan bulu yang tersisa di badannya. Pernah juga dilakukan pelbagai penyelidikan dengan pengambilan sampel terhadap haiwan ini mengikut perbezaan baka, usia, struktur kulit, bahagian tapak kaki, mulut dan ekor.

Di samping itu, kuman juga dilettakkan pada bahagian tertentu. Selain itu, cairan khusus (air liur) yang berada pada dingding dalam mulut dan lidahnya. Menariknya hasil uji kajian diambil dari kulit luar mendapati ia tidak mempunyai kuman, meskipun dilakukan berulang kali.

Tempat yang serga dilettakkan kuman pada manusia juga menunjukkan hasil negatif sekitar 80 peratus (20 peratus mempunyai kuman), jika dilihat dari air liurnya. Ini menunjukkan kucing dapat melawan kuman yang diberikan kepada ny dan mempunyai cairan yang diaambil dari permukaan lidah juga menunjukkan ketidakhadiran kuman. Hanya sekali kuman dijumlah semasa proses penyelidikan.

Kuman ini termasuk dalam kumpulan kuman biasa yang seluruhnya membikar dalam tubuh manusia dalam jumlah yang kecil seperti enterobacter, streptococcus dan staphylococcus. Kajian yang dilakukan juga tidak menemui jenis kuman yang beragam dan berbahaya. Pelbagai sumber yang dipercayai dan hasil penyelidikan makmal menyimpulkan kucing tidak mempunyai kuman dan mikrobaikera.

Air liurnya bersih dan boleh membersihkan seluruh badannya. Jarang sekali ditemui kehadiran kuman pada lidah



kucing. Jika mempunyai kuman, itu menunjukkan kucing itu sedang sakit.

Dijafahamkan kucing mempunyai peranti pembersih yang dikenali sebagai lysozyme. Kucing biasanya memiliki berat badan antara dua, lima hingga tujuh kilogram dan jarang melebihi 10 kilogram, kecuali diberi makan berlebihan sehingga boleh mencapai berat badan 23 kilogram.

Sekiranya kucing juga diajakkan jalan berjengkol dan perlu dilettahul jika kucing anda enggan makan atau gemar mendiamkan diri dan menyorok di tempat ter-

sorok, besar kemungkinan kucing adalah tidak sihat, maka segeralah bawa berjumpa doktor.

Jika diperhatikan ketika salah seekor kucing makan, pasti seekor lagi kucing akan menunggu giliran. Keadaan ini boleh mengelakkkan kucing lain datang meramalkan makannya.

Inilah kelebihan kucing yang menjadikannya sebagai haiwan kesayangan. Malah jika dilatih, kucing anda akan mengikut peraturan dan berdisiplin dari segi makan dan juga membuang najanya.



◎ 30 RUAS

tulang belakang kucing, lima kali lebih banyak daripada manusia

◎ 230 JUMLAH

tulang kucing, 24 kali lebih banyak daripada manusia

◎ 185 DARJAH

keupayaan mata kucing berpusing

◎ 110-170 DENYUTAN

jadi kucing normal semint

◎ 20-40 KALI

tempoh kucing bernafas semint